

# **BAHASA MELAYU (PROGRAM KHAS) (1133)**

## **1 OBJEKTIF PENILAIAN**

Peperiksaan Bahasa Melayu (Program Khas) GCE Peringkat Biasa bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) memahami dan mengingat butir-butir arahan, siaran dan rakaman yang diperdengarkan;
- (b) bertutur dalam Bahasa Melayu dalam situasi sehari-hari;
- (c) membaca dengan menggunakan sebutan, intonasi dan kelancaran yang betul dan baik;
- (d) membaca dan memahami teks dan tulisan daripada pelbagai sumber;
- (e) menulis karangan dalam bentuk prosa;
- (f) menulis pelbagai bentuk karangan berdasarkan tajuk dengan isi dan idea yang relevan; dan
- (g) menyusun isi karangan dengan menggunakan bahasa, cara penulisan dan organisasi/format yang baik.

## **2 HASIL PEMBELAJARAN**

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) 2006 yang dihasilkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, pada akhir pendidikan sekolah menengah kursus Bahasa Melayu (Program Khas) GCE Peringkat Biasa, pelajar harus berupaya untuk:

- (a) memahami Bahasa Melayu baku yang dituturkan mengikut kelajuan biasa;
- (b) bertutur dengan lancar mengenai situasi harian dengan menggunakan struktur asas yang difahami oleh penutur jati;
- (c) memahami idea utama, maklumat dan fakta dalam karangan berbentuk prosa dan puisi serta teks cereka yang mudah;
- (d) menghasilkan pelbagai jenis penulisan mengenai situasi harian dan semasa dengan menggunakan pelbagai struktur dan gaya;
- (e) membaca dan memahami isu yang disiarkan di akhbar, majalah, dan lain-lain; dan
- (f) memahami tradisi dan budaya penutur jati Bahasa Melayu dan menghubungkannya dengan budaya mereka sendiri.

### **3 FORMAT PEPERIKSAAN**

Format kertas peperiksaan bagi Bahasa Melayu (Program Khas) GCE Peringkat Biasa terbahagi kepada:

#### **Kertas 1: Karangan – 20 markah (20%)**

Kertas ini terbahagi kepada Bahagian A dan Bahagian B. Calon dikehendaki menjawab dua soalan, satu daripada Bahagian A dan satu lagi daripada Bahagian B. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 45 minit. Calon dibenarkan menggunakan kamus yang diluluskan.

(a) Bahagian A: Mesej Ringkas (5 markah)

Bahagian A mengandungi 2 soalan respons berdasarkan rangsangan pesanan dan surat. Calon perlu menjawab 1 soalan sahaja. Panjangnya karangan calon tidak harus melebihi 70 patah perkataan.

(b) Bahagian B: Penulisan Esei (15 markah)

Bahagian B mengandungi 3 soalan. Calon perlu menjawab 1 soalan sahaja. Panjangnya karangan calon haruslah sekurang-kurangnya 170 patah perkataan.

#### **Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman – 30 markah (30%)**

Kertas ini terbahagi kepada Bahagian A, B dan C. Calon dikehendaki menjawab kesemua soalan. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 15 minit.

(a) Bahagian A: Kefahaman (10 markah)

Bahagian A mengandungi 5 soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ) berdasarkan rangsangan grafik. Calon dikehendaki memilih jawapan yang paling sesuai berdasarkan rangsangan grafik yang disediakan.

(b) Bahagian B: Melengkapkan Teks (5 markah)

Bahagian B mengandungi 5 soalan mengisi tempat kosong (FIB). Calon dikehendaki melengkapkan teks yang disediakan dengan perkataan yang sesuai.

(c) Bahagian C: Kefahaman (15 markah)

Bahagian C mengandungi 4 soalan berbentuk respons bebas dan 1 soalan kosa kata berdasarkan satu teks. Bagi soalan kosa kata, calon dikehendaki memberikan maksud 3 perkataan yang diberikan mengikut konteks.

### **Kertas 3: Lisan dan Kefahaman Mendengar – 50 markah (50%)**

Kertas ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Ujian Lisan dan Ujian Kefahaman Mendengar.

(a) **Lisan – 30 markah**

Bahagian ini terbahagi kepada Bahagian A dan Bahagian B. Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 15 minit.

Bahagian A: Bacaan Lantang (15 markah)

Calon dikehendaki membaca petikan yang diberikan.

Bahagian B: Perbualan (15 markah)

Calon dikehendaki berbual berdasarkan topik yang diberikan.

(b) **Kefahaman Mendengar – 20 markah**

Ujian Kefahaman Mendengar mengandungi 15 soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan 5 teks autentik pelbagai genre seperti dialog, berita ringkas, pengumuman, cerpen dan lain-lain lagi. Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 30 minit.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Jadual Pengkhususan yang disediakan.

#### 4 JADUAL PENGKHUSUSAN

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
1 (1 jam 45 min)	Karangan <u>Bahagian A</u> Mesej Ringkas ▪ Menulis pesanan ▪ Menulis respons bagi surat yang diterima	Respons bebas	2 (1)	5 (5%)	Kamus yang diluluskan boleh digunakan. Mesej/respons tidak harus melebihi 70 patah perkataan.
	<u>Bahagian B</u> Penulisan Esei ▪ berdasarkan gambar bersiri ▪ deskriptif ▪ naratif		3 (1)	15 (15%)	Panjang karangan sekurang-kurangnya 170 patah perkataan.
	Subtotal	-	5 (2)	20 (20%)	-
2 (1 jam 15 min)	Penggunaan Bahasa dan Kefahaman <u>Bahagian A</u> Kefahaman – Rangsangan Grafik	MCQ	5 (5)	10 (10%)	Rangsangan Grafik termasuk iklan, jadual perjalanan, carta, brosur, panduan rancangan TV, resipi, dll.
	<u>Bahagian B</u> Melengkapkan Teks	FIB	5 (5)	5 (5%)	
	<u>Bahagian B</u> Kefahaman	Respons bebas	4 (4) 1 (1)	12 (12%) 3 (3%)	Empat soalan respons bebas dan satu soalan yang mengandungi tiga item semantik.
	Subtotal	-	15 (15)	30 (%)	-

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
3 (45 min)	Lisan dan Kefahaman Mendengar				
	(a) Lisan				
	<u>Bahagian A</u>				
	Bacaan Lantang		1 (1)	15 (15%)	Calon dikehendaki membaca petikan yang diberikan.
	<u>Bahagian B</u>	-	1 (1)	15 (15%)	Calon dikehendaki berbual tentang topik-topik yang berkaitan dengan kehidupan sehari-hari, sekolah, rumah, hobi, dll.
	(b) Kefahaman Mendengar	MCQ	15 (15)	20 (20%)	Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan 5 teks autentik pelbagai genre seperti dialog, berita ringkas, pengumuman, cerpen dan lain-lain lagi.
	Subtotal	-	17 (17)	50 (50%)	-
	<b>Total</b>	-	<b>37 (34)</b>	<b>100 (100%)</b>	-